

Pelaksanaan kaedah *student-centered learning* (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia

ZARINA MUHAMMAD


ABSTRACT

The aim of this study is to identify the SCL teaching methods used by the Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia lecturers and to examine the students' perception in the teaching and learning of Tamadun Islam, Tamadun Asia and Kenegaraan Malaysia. In this study which uses simple descriptive analysis, information is gathered using questionnaire, which is distributed to students and lecturers. The questionnaires were analyzed using SPSS. The study finds that the lecturers of these three courses have used lecturing and group assignment approach as the standard SCL method in teaching. In terms of evaluation, it is mostly based on examination, test, group work and presentation. A small number of lecturers were also found to use various approaches other than the standard approach in teaching, learning and evaluation. The study also shows that the perception of Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia students' towards the teaching and learning based on SCL is positive and shows a high level of acceptance. In general, the result of this study demonstrates that the implementation of SCL in the teaching and learning of Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia courses in UPM has been effective.

PENGENALAN

Kursus Tamadun Islam dan kursus Kenegaraan Malaysia merupakan antara kursus umum universiti yang ditawarkan di UPM semenjak awal tahun 80an lagi. Kursus Tamadun Islam yang ditawarkan bertujuan untuk memperkenalkan Islam sebagai tamadun yang unggul kepada pelajar pelbagai kaum dan agama melalui evolusi perlaksanaan yang rencam sehinggalah pada akhir tahun 1998 ianya bersatu dengan kursus Tamadun Asia. Kedua-dua kursus kemudian ditawarkan secara berasingan dengan nilai 2 kredit setiap satu kursus. Manakala






kursus Kenegaraan Malaysia yang juga dikenali sebagai Pengajian Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi lain di Malaysia ditawarkan dengan nilai 3 kredit. Kursus Kenegaraan Malaysia tidak melalui sebarang perubahan sejak ia mula diperkenalkan bagi meneruskan matlamat asas ia ditawarkan iaitu memperkuuh pengalaman dan penghayatan pelajar mengenai ciri dan sifat kenegaraan serta pengetahuan mengenai sejarah, pembangunan dan cabaran yang dilalui oleh negara.

Kaedah pengajaran yang mewarnai kursus-kursus ini pada kebanyakan masa adalah melalui penyampaian kuliah secara konvensional yang berpusatkan kepada pensyarah. Walaubagaimanapun kerana masalah-masalah dari segi kekurangan pensyarah dan bilangan pelajar yang besar maka terdapat usaha-usaha untuk menggunakan apparatus elektronik dan multimedia bagi membantu menyelesaikan masalah perlaksanaan kursus ini. Antaranya adalah sistem kuliah online, telekuliah dan *e-learning*. Namun begitu perlaksanaan menggunakan apparatus elektronik dan multimedia ini menjadikan kursus ini tidak ‘hidup’ dan tidak menyuburkan penghayatan dan interaksi pengajar-pelajar sehingga boleh menjelaskan objektif perlaksanaannya, maka bermula tahun 2002, UPM kembali mengambil pendekatan menjalankan kuliah secara konvensional (Zaid, Ahmad Tarmizi & Sri Rahayu 2004).

Pada kadar saiz kelas yang dihadkan kepada 300 orang pada awalnya dan kemudiannya dikurangkan kepada 150 orang maka proses pembelajaran berlangsung dalam suasana konvensional iaitu ‘one way interactive learning’ atau berpusatkan pengajar. Pengajar yang mengendalikan antara 2-4 kumpulan bagi pensyarah UPM dan 1-2 kumpulan bagi pensyarah sambilan akan mengajar mengikut silibus yang telah ditetapkan. Bagi memastikan keseragaman penilaian dapat dilaksanakan maka modul pengajaran disediakan sebagai garis panduan. Ini dirasakan sebagai kaedah yang paling sesuai kerana kumpulan pengajaran bagi setiap kursus dalam satu semester mencecah bilangan 21-29 kumpulan dan pensyarah yang terlibat mengendalikan pengajaran setiap kursus melebihi jumlah 7 orang.

Dengan jumlah pelajar yang besar merentasi pelbagai fakulti, program dan jabatan berserta jumlah kumpulan yang besar dan pelbagai aneka pendekatan penyampaian kuliah maka penilaian secara objektif secara keseluruhannya di rasakan sesuai. Maka bentuk penilaian iaitu penilaian ujian 1 (30 peratus), ujian 2 (30 peratus) dan peperiksaan akhir iaitu (40 peratus) telah dilaksanakan. Ia dirasakan sebagai pendekatan penilaian paling efektif bagi meminimumkan masalah-masalah berkaitan menanda skrip jawapan, memasukkan markah mengikut waktu yang ditetapkan dan memantau masalah-masalah berkaitan kelalaian dan penipuan dikalangan pelajar.

Strategi pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia sekali lagi diubah apabila UPM melalui pusat




pembangunan akademiknya (CADE) mengambil langkah melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL). Ianya bersesuai dengan matlamat pertama yang disasarkan UPM iaitu bagi melahirkan graduan berkualiti yang berdaya saing dan bersemangat waja melalui pembelajaran sepanjang hayat. Maka bermula semester kedua sesi 2004-2005 pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia telah memasukkan elemen kerja berkumpulan (tugasan) dalam pendekatannya pengajaran bagi menyahut langkah pihak universiti melaksanakan kaedah SCL.

Strategi ini juga selaras dengan rumusan Bengkel Kebangsaan Peningkatan Kualiti Pembelajaran dan Pengajaran Kursus TITAS IPT di Lumut pada Februari 2003 yang antara lainnya menyarankan kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus ini harus lebih berpusatkan pelajar. Kaedah interaktif dan PBL adalah antara kaedah yang dicadangkan demi keberkesanan pembelajaran dan penghayatan kursus ini (Rahimah 2003).

Pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) adalah strategi pengajaran di mana pelajar menjadi pemain utama dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelajar digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam setiap sesi pembelajaran mereka. Lebih banyak masa diperuntukkan kepada pelajar meneroka dan menyelesaikan masalah pembelajaran dengan bantuan pengajar yang bertindak sebagai pemudahcara (Shahabudin, Rohizani & Mohd Zohir 2003). Secara ringkasnya SCL adalah sebarang suasana pembelajaran yang efektif di mana perancangan, pengajaran dan penilaian menumpu kepada pelajar dan kepada hasil pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah pembelajaran koperatif, projek pelajar, kerja khusus, sesi penyisatan di makmal, persembahan pelajar, kajian kes dan pembelajaran melalui penyelesaian masalah (Hamdan Noor 2004).

Namun saiz kelas yang besar dan jumlah pelajar yang ramai yang dikendalikan oleh seseorang pengajar dilihat sebagai cabaran kepada keberkesanan perlaksanaan SCL. Ianya menjadi isu utama dalam Pengajaran dan Pembelajaran kerana kaedah pengkuliahannya bersifat “kuliah beramai-ramai” (Mohd. Arip 2004). Samri Sainuddin & Isahak Haron (2004) juga berpendapat bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran pemasukan kepada pelajar dalam kursus TITAS mempunyai halangan besar kerana kelas yang besar dan bilangan pelajar yang ramai dan memerlukan kaedah tambahan dan kaedah tambahan yang mereka laksanakan adalah perbincangan di pejabat pengajar.

Richard M. Felder (1997) bersetuju bahawa apa sahaja bentuk pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kelas yang besar dan jumlah pelajar yang ramai akan lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dalam kelas yang kecil. Namun begitu terdapat pelbagai cara bagi memastikan pengendalian kelas yang besar berkesan seperti mana pengendalian kelas yang kecil. Sehubungan itu pengkaji berpendapat keberkesanan perlaksanaan SCL tidak



harus dipandang remeh dan kaedah berpusatkan pelajar yang sesuai perlu dikenalpasti dan dibentuk dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia bagi menjamin penghayatan dan pengamalan ilmu yang bersifat umum ini .

OBJEKTIF KAJIAN


Kajian ini dijalankan bagi meneliti perlaksanaan kaedah SCL dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia dengan:

1. Mengenalpasti kaedah pengajaran berasaskan SCL yang digunakan oleh pengajar-pengajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia
2. Meninjau persepsi pelajar terhadap perlaksanaan SCL di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia

SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas yang dapat dikesan berkaitan kursus TITAS dan Kenegaraan ini kebanyakannya adalah kajian yang melibatkan minat, manfaat, kepentingan dan keberkesanan kursus, serta kajian yang mengaitkan kaedah pengajaran dengan teknologi dan lain-lain kaedah yang bukan melibatkan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar secara khusus. Contohnya kajian Angela dan Rusli Ahmad (2000) tentang Persepsi Pelajar UNIMAS Terhadap Kursus Generik yang ditawarkan: Satu Perbandingan Antara Pelajar Tahun Satu dan Tiga; Kajian Misnan Jemali (2004) mengenai Kursus Tamadun Islam ke Arah Memantapkan Matlamat Pendidikan Guru: Satu Kajian Keberkesanan di UPSI; Kajian Mohamad Khairi Othman dan Mohd Nizho Abdul Rahman (2006) tentang TITAS dalam Mendepani Cabaran Pembangunan Holistik: Kajian Minat dan Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingannya; Kajian Zatul Himmah Adnan (2006) tentang Keberkesanan Kursus Kenegaraan Malaysia daripada Persepsi Pelajar di UPM : Sebelum dan Selepas Mengikuti Kursus; kajian Abdullah Sulaiman dan Shahrul Anwar (2004) iaitu Pengajaran dan Pembelajaran TITAS Secara Online: Tinjauan terhadap Penggunaan manual ICA licenet di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Kuittho.

Namun begitu, terdapat beberapa kajian awal berkaitan dengan pendekatan kaedah pengajaran SCL di UPM. Walaubagaimanapun ianya tidak



berkait secara langsung dengan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kajian Hamdan Noor (2004) yang melihat perlaksanaan SCL di Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan UPM daripada persepsi pelajar dan pengajar sebelum dan selepas bengkel pemahaman tentang SCL mendapati sebahagian besar responden memahami kepentingan perlaksanaan kaedah serta bersedia menjalankan dan menjalani kaedah ini selepas pendedahan diberikan.

Manakala kajian Zatul Himmah (2004) mengenai keberkesanannya kursus Kenegaraan di UPM dari persepsi pelajar yang bermatlamat menilai pencapaian objektif kursus, keberkesanannya dan kualiti kursus menunjukkan bahawa 65% daripada 150 responden yang terdiri dari pelajar kursus Kenegaraan Malaysia bersetuju bahawa kaedah terkini iaitu SCL sesuai dengan kehendak objektif kursus tersebut.

Menurut kajian Mohamad Khairi dan Ahmad Faisal (2004) terhadap persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pensyarah kursus TITAS 1 di Universiti Teknologi MARA, menunjukkan bahawa kaedah pengajaran pensyarah yang mengambil berat atas kehadiran pelajar, pemberian tugas, latihan dan ujian dan pensyarah yang menggalakkan pelajar bertanya soalan semasa proses pengajaran (iaitu antara kaedah berpusatkan pelajar) merupakan antara faktor yang membawa kepada keberkesanannya dan kefahaman pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran TITAS 1.




METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk analisis deskriptif mudah yang menggunakan pendekatan pengumpulan maklumat melalui soalselidik bagi meneliti perlaksanaan kaedah SCL dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia. Dua bentuk soalselidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pengajar dan pelajar bagi setiap kursus yang berkaitan. Soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS (*The Statistical Package for Social Sciences*) versi 13.0.

Untuk mencapai objektif 1, Sebanyak 43 soal selidik telah diedarkan kepada semua pensyarah kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia yang terlibat dengan pengajaran kursus pada semester pertama dan kedua 2005/2006. Sebanyak 31 soal selidik telah dipulangkan dan dianalisis. Soal selidik di bawah objektif ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu profail responden, pandangan umum, kaedah pengajaran dan kaedah penilaian. Jawapan berbentuk kategori, tidak berstruktur dan senarai semak digunakan bagi mengukur kaedah SCL yang digunakan oleh pengajar. Nilai Cronbach Alpha bagi 22 item berbentuk kategori dan senarai semak adalah 0.724.





Untuk mencapai objektif 2, sebanyak 450 soal selidik telah diedarkan kepada pelajar setiap kursus meliputi kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) yang meletakkan saiz sampel yang sesuai bagi jumlah populasi antara 4500-6000 adalah 354-361 orang. Walaubagaimanapun soal selidik yang dapat dikumpul dan digunakan untuk dianalisis setelah proses pembersihan data dilakukan adalah 387 orang bagi Tamadun Islam, 307 orang bagi Tamadun Asia dan 426 orang bagi Kenegaraan Malaysia. Pengkaji menjangkakan saiz ini cukup besar bagi memastikan kesahaman dan kebolehpercayaan kajian dan bagi mendapatkan dapatan yang tepat dengan ralat persampelan yang kecil.


Soal selidik di bawah objektif ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu profail responden, persepsi umum pelajar terhadap SCL, persepsi pelajar terhadap kaedah dan pendekatan pengajaran serta hasil pembelajaran setelah pengajar menggunakan pendekatan SCL dengan nilai Cronbach Alpha 0.929 bagi 26 item. Jawapan berbentuk kategori ya dan tidak serta jawapan berbentuk skala likert 5 tahap (5=sangat setuju, 4= setuju, 3=tidak pasti, 2=tidak setuju, 1=sangat tidak setuju) digunakan bagi mengukur tahap persetujuan pelajar. Interpretasi tindakbalas jawapan berbentuk skala adalah berdasarkan nilai min dan keterangan seperti dalam jadual 1. Formula selang kelas = skala maksimum tolak skala minimum bagi bilangan kelas yang dikehendaki.

JADUAL 1: Interpretasi jawapan berbentuk skala

Nilai min	Interpretasi persepsi 1	Interpretasi persepsi 2
3.67 - 5.00	Tinggi	Positif
2.34 - 3.66	Sederhana	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah	Negatif

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Responden yang terlibat untuk mencapai objektif pertama kajian adalah seramai 31 orang. Kesemuanya adalah tenaga pengajar yang terlibat dengan pengajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia pada semester pertama dan kedua 2005/2006. Daripada jumlah di atas, 12 orang adalah tenaga pengajar Universiti Putra Malaysia daripada Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi dan Fakulti Pendidikan. Manakala 19 orang lagi adalah tenaga pengajar sambilan dari luar UPM. 11 daripada 31 responen terlibat dengan pengajaran kursus Kenegaraan Malaysia, 10 responden terlibat



dengan pengajaran kursus Tamadun Islam, 8 responden terlibat dengan pengajaran kursus Tamadun Asia manakala 2 responden lagi terlibat dengan pengajaran dua kursus iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia.


Analisis kajian berkaitan pengalaman responden di dalam pengajaran menunjukkan 80.6 peratus daripada keseluruhan pensyarah yang terlibat dengan pengajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada satu tahun ataupun 2 semester (Jadual 2). Ini menunjukkan sebahagian besar pensyarah pernah terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran sebelum kaedah SCL dilaksanakan dan selepas kaedah SCL dilaksanakan.

JADUAL 2 : Latarbelakang responden

Tempoh terlibat dengan pengajaran	Bil.	Peratus
Setahun dan kurang	6	19.4
1-2 tahun	2	6.5
2-5 tahun	20	64.5
Lebih dari 5 tahun	5	9.7

Tinjauan terhadap pandangan secara umum responden menunjukkan 93.5 responden peratus memahami apa yang di maksudkan dengan SCL dan 83.9 peratus responden telah menghadiri taklimat dan bengkel-bengkel penerangan mengenai kaedah SCL. Manakala 16.1 peratus pengajar yang didapati tidak menghadiri taklimat dan bengkel kaedah SCL adalah pengajar dari luar UPM. Kajian juga mendapati responden bersikap positif terhadap langkah UPM melaksanakan kaedah ini di UPM apabila 100 peratus telah mengaplikasikannya di dalam pengajaran mereka sebagaimana yang telah disarankan. Bagi memantapkan lagi pengetahuan dan pengaplikasian kaedah ini 90.3 peratus responden bersetuju bahawa mereka memerlukan lebih banyak pendedahan bagi membolehkan mereka melaksanakan kaedah SCL secara menyeluruh dalam pengajaran pada semester-semester akan datang. Namun begitu 9.7 peratus responden didapati tidak berminat untuk didekah dengan mendalam tentang kaedah ini. Mereka juga terdiri dari para pensyarah sambilan luar UPM.

Meneliti kaedah pengajaran berbentuk SCL yang telah digunakan oleh responden dalam semester yang pertama dan kedua 2005/2006 yang lalu, kajian mendapati secara keseluruhan responden menggunakan strategi pengajaran yang tidak jauh berbeza iaitu kaedah mensyarah dan tugas berkumpulan. (Jadual 2) Ini adalah kerana adanya sistem pelarasian, penyeragaman dan




pemantauan perlaksanaan dan perjalanan kursus oleh pihak jabatan. Di samping kedua-dua kaedah utama ini, di dapatkan sebilangan responden telah bertindak kreatif dan telah berusaha mengaktifkan suasana kuliah dengan mengadakan sesi perbincangan yang berkaitan dengan tajuk kuliah samada secara umum (83.9 peratus) maupun secara berkumpulan (71 peratus). Bagi memastikan pelajar memahami tajuk kuliah dengan lebih mendalam, di dapatkan satu per empat responden telah menggunakan tugas individu, kajian lapangan dan kajian kes sebagai kaedah tambahan. Medium elektronik juga telah dimanfaatkan oleh responden di mana 12.9 peratus responden menggunakan e-sprint bagi menyalurkan maklumat kepada pelajar khususnya nota-nota ringkas berkaitan kuliah. Ini menunjukkan walaupun pengajaran melibatkan jumlah pelajar yang besar, wujud kehendak dan usaha dari para pensyarah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran.

JADUAL 3: Kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar

Kaedah	Bil.	Peratus
Bersyarah	31	100
Tugasan berkumpulan	30	96.8
Tugasan individu	8	25.8
Perbincangan umum	26	83.9
Perbincangan berkumpulan	22	71.0
Lawatan	0	0
Kajian lapangan	8	25.8
Kajian kes	8	25.8
E-sprint	4	12.9
Menonton video	1	3.2

Analisis terhadap pendapat responden tentang kaedah-kaedah yang dirasakan paling sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di UPM menunjukkan majoriti responden tetap bertumpu dan memilih kaedah mensyarah, tugas berkumpulan dan perbincangan umum. Pemilihan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor mampu urus, jumlah pelajar dan keterbatasan masa dalam memantau pelajar dan memberi penilaian terhadap hasil kerja pelajar. Walaubagaimanapun terdapat juga responden yang merasakan kaedah kajian kes, kajian lapangan dan lawatan wajar juga diberi perhatian dan digunakan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Analisis seterusnya mendapati pembahagian penilaian kepada hasil kerja berkumpulan bagi kursus Kenegaraan Malaysia, Tamadun Islam dan




Tamadun Asia memperlihatkan percambahan kaedah penilaian oleh responden. Sekiranya sebelum perlaksanaan SCL, penilaian seratus peratus bertumpu kepada ujian dan peperiksaan, maka dalam semester pertama dan kedua perlaksanaan SCL menyaksikan 85 peratus responden menilai pembentangan pelajar selain hasil kerja kumpulan mereka (Jadual 3). Walaupun masa terhad dan jumlah kumpulan adakalanya mencecah 30 kumpulan kecil dalam satu kumpulan kuliah, responden tetap berusaha menilai pelajar dari sudut lain juga. Ini jelas apabila 71 peratus daripada 14 responden telah membuat penilaian terhadap individu pelajar dalam memberikan kerjasama terhadap kumpulan mereka. 42 peratus daripada responden membuat penilaian melalui kuiz dan penyertaan dalam perbincangan serta 28.6 peratus mengambil kira pembentangan individu dan kehadiran di dalam penilaian kursus. Akan tetapi elemen-elemen ini tidak dijadikan sebagai elemen standard penilaian bagi semua kumpulan kuliah.

JADUAL 4: Kaedah penilaian yang digunakan oleh pengajar

Kaedah penilaian	Bil.	Peratus
Ujian/peperiksaan	31	100
Hasil kerja kumpulan	31	100
Pembentangan berkumpulan	29	93.5
Kerjasama kumpulan	21	67.7
Penyertaan dalam perbincangan	18	58.1
Kuiz	13	41.9
Kehadiran	11	35.5
Pembentangan individu	6	19.4
Penilaian rakan	4	12.9
Komitmen dan minat terhadap pelajaran	1	7.1

Secara keseluruhannya, responden merasakan kaedah pengajaran ini amat berkesan dilaksanakan ke atas pelajar khususnya bagi menjayakan objektif kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia diperkenalkan. Pendapat dan pemerhatian responden dapat dilihat daripada pandangan-pandangan yang telah diberikan di akhir soal selidik. Antara pandangan-pandangan tersebut menyatakan bahawa pendekatan wajar dilaksanakan, diteruskan dan ditingkatkan kerana dapat mengukur tahap sebenar kefahaman pelajar, membiasakan pelajar mencari maklumat sendiri, memberikan pendedahan yang tepat dan meluas tentang sesuatu topik, mendorong pelajar melahirkan idea dan pandangan sendiri serta mendedahkan pelajar kepada suasana pembelajaran yang lebih interaktif.



PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PERLAKSANAAN SCL DI DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN TAMADUN ISLAM, TAMADUN ASIA & KENEGARAAN MALAYSIA

PROFIL RESPONDEN


Keseluruhan responden yang terlibat bagi mencapai objektif pertama kajian adalah seramai 1120 orang. Mereka terdiri daripada 387 (34.6 peratus) pelajar kursus Tamadun Islam, 307 (27.4 peratus) pelajar kursus Tamadun Asia dan 426 (38 peratus) pelajar kursus Kenegaraan Malaysia.

JADUAL 5: Taburan responden mengikut kursus

Kursus	Tamadun Islam	Tamadun Asia	Kenegaraan Malaysia	Jumlah
Kekerapan	387 orang	307 orang	426 orang	1120 orang
Peratus	34.6	27.4	38	100

JADUAL 6: Profil keseluruhan responden mengikut kursus (%)

Profil	Item	Tamadun Islam	Tamadun Asia	Kenegaraan Malaysia
Jantina	Lelaki	24.3	25.4	25.8
	Perempuan	75.7	73.9	74.2
	Tidak jawab	0	0.7	0
Etnik	Melayu	57.9	59.9	48.6
	Cina	30.5	30.6	41.5
	India	3.4	1.0	2.3
	Bumiputera	3.6	3.9	3.5
	Lain-lain	0.3	0.7	0.3
	Tidak jawab	4.4	3.9	3.8



Profil responden secara keseluruhan menunjukkan bahawa majoriti responden adalah perempuan iaitu sebanyak 74 peratus. Sebanyak 54.9 peratus daripada responden merupakan etnik Melayu diikuti oleh etnik Cina iaitu 34.7 peratus, bumiputera iaitu 3.7 peratus, etnik India iaitu 2.3 peratus dan lain-lain. (Jadual 6). Profil jantina dan etnik mengikut pecahan kursus pula menunjukkan setiap kursus mempunyai pecahan peratusan yang hampir setara.

PERSEPSI UMUM PELAJAR TERHADAP SCL


Terdapat 7 soalan di bahagian ini digunakan bagi menilai persepsi pelajar secara umum terhadap SCL dan perlaksanaannya di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia (Jadual 7). Soalan-soalan ini adalah untuk mengukur pengetahuan dan pengalaman umum pelajar terhadap kaedah SCL; persepsi umum terhadap keberkesanan kaedah ini dalam menimbulkan minat, meningkatkan kefahaman terhadap kursus dan juga tentang kebaikan kaedah SCL berbanding kaedah TCL serta persepsi umum pelajar tentang kesan perlaksanaan kaedah ini terhadap pelajar. Jawapan responden yang berbentuk kategori akan dianalisis dan diinterpretasi menggunakan 2 bentuk pengukuran iaitu cenderung ke arah positif dan cenderung ke arah negatif.



JADUAL 7: Soalan persepsi umum terhadap SCL

Bil.	Soalan
1.	Adakah anda mengetahui tentang SCL?
2.	Adakah anda mengetahui tentang perlaksanaan kaedah SCL di dalam pengajaran dan pembelajaran di UPM?
3.	Adakah anda pernah mengikuti kursus yang dilaksanakan menggunakan kaedah SCL selain kursus ini?
4.	Adakah anda merasakan kaedah ini berjaya menimbulkan minat anda terhadap pembelajaran kursus ini?
5.	Adakah anda merasakan kaedah ini berjaya meningkatkan kefahaman anda tentang kursus ini?
6.	Adakah anda merasakan kaedah SCL lebih baik dari kaedah TCL (pembelajaran berpusatkan pengajar)?
7.	Adakah kaedah SCL membebankan pelajar?






Secara keseluruhannya didapati bahawa pengetahuan dan ukuran pengalaman umum responden terhadap kaedah SCL adalah cenderung ke arah positif. Kajian mendapati lebih 70.4 peratus pelajar-pelajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia mengetahui tentang penerapan kaedah ini di UPM amnya dan di dalam ketiga-tiga kursus berkaitan khususnya. Manakala 62 peratus responden mengetahui dan menyedari tentang perlaksanaan kaedah ini dan 64.3 peratus responden pernah mengikuti kursus lain yang menggunakan kaedah SCL.

Sebaliknya kajian menunjukkan persepsi umum pelajar secara keseluruhannya dalam aspek keberkesanan kaedah SCL bagi menimbulkan minat dan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kursus serta kebaikan kaedah ini adalah cenderung ke arah negatif. Ini kerana kajian mendapati 54.6 peratus pelajar tidak merasakan kaedah ini berjaya menimbulkan minat mereka terhadap pembelajaran kursus, 50.4 peratus merasakan kaedah ini tidak berjaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap kursus dan 57.1 peratus merasakan kedah TCL adakah lebih baik daripada kaedah SCL. Walaubagaimanapun persepsi umum yang cenderung ke arah negatif ini tidak pada tahap membimbangkan kerana perbezaan peratus yang kecil antara responden yang setuju dan responden yang tidak setuju. Responden tidak diberi penerangan tentang kaedah ini sebelum soal selidik diedarkan. Tambahan pula kaedah ini masih di peringkat awal perlaksanaannya.

Manakala dari aspek persepsi umum pelajar terhadap kesan perlaksanaan kaedah SCL, kajian juga mendapati terdapat perbezaan peratus yang kecil iaitu 1.2 peratus antara pelajar yang merasakan perlaksanaan kaedah ini tidak membebankan mereka, iaitu 50.6 peratus dan pelajar yang merasakan perlaksanaan kaedah ini membebankan mereka iaitu 49.4 peratus. Ini menunjukkan bahawa umumnya kebanyakan pelajar masih belum menyedari tentang faedah perlaksanaan kaedah ini ke arah melahirkan mereka sebagai graduan berkualiti, berdaya saing dan bersemangat waja. Pelajar juga didapati belum bersedia merubah sikap daripada menerima ilmu secara sehala kepada proses mendapatkan ilmu melalui komunikasi dua hala. Haruslah diambil kira juga bahawa kajian ini merupakan kajian awal dan aspek bebanan ini memerlukan kajian lebih lanjut dan mendalam lagi kerana persepsi ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti peruntukan jumlah kredit, minat, pengisian serta silibus kursus, kerja-kerja yang diagihkan kepada pelajar dan lain-lain lagi.


**JADUAL 8:** Taburan persepsi umum pelajar mengikut kursus

Soalan	Tamadun Islam		Tamadun Asia		Kenegaraan Malaysia	
	+ve	-ve	+ve	-ve	+ve	-ve
Soalan 1	72.3	27.7	67.4	32.6	71.5	28.5
Soalan 2	67.4	32.6	58.3	41.7	60.3	39.7
Soalan 3	66.5	33.5	67.0	33.0	59.4	40.6
Soalan 4	46.8	53.2	48.7	51.3	40.0	60.0
Soalan 5	52.9	47.1	54.1	45.9	41.1	58.9
Soalan 6	44.9	55.1	50.0	50.0	34.4	65.6
Soalan 7	46.6	53.4	44.1	55.9	57.4	42.6

Analisis berdasarkan kursus mengikut jadual 8 di atas mendapati persepsi umum pelajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia terhadap aspek pengetahuan dan ukuran pengalaman responden tentang kaedah SCL adalah sama iaitu cenderung ke arah positif. Berkaitan persepsi umum pelajar ketiga-ketiga kursus ini dalam aspek keberkesanan kaedah dalam menimbulkan minat terhadap kursus juga adalah sama iaitu cenderung ke arah negatif.

Manakala terdapat perbezaan persepsi terhadap keberkesanan kaedah dalam aspek meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kursus yang diikuti. Kajian mendapati 52.9 peratus pelajar kursus Tamadun Islam dan 54.1 peratus pelajar kursus Tamadun Asia merasakan kaedah ini berjaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap kursus tetapi sebaliknya 58.9 peratus pelajar kursus Kenegaraan merasakan kaedah tidak berjaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap kursus. Berkaitan aspek kaedah mana yang lebih baik samada SCL atau TCL, 55.1 peratus pelajar kursus Tamadun Islam dan 65.6 peratus pelajar kursus Kenegaraan Malaysia merasakan kaedah TCL lebih baik manakala pelajar kursus Tamadun Asia merasakan kedua-duanya sama baik. Manakala berkaitan aspek kesan pula didapati 53.4 peratus pelajar kursus Tamadun Islam dan 55.9 peratus pelajar kursus Tamadun Asia merasakan kaedah SCL tidak membebankan mereka berbeza dengan pelajar kursus kenegaraan di mana 57.4 peratus pelajar kursus ini merasakan kaedah ini membebankan.

Kesimpulannya, persepsi umum pelajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia terhadap perlaksanaan SCL di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus ini adalah cenderung ke arah positif.



**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KADEAH & PENDEKATAN
PENGAJARAN BERASASKAN SCL YANG DIGUNAKAN OLEH
PENGAJAR**


Analisis bahagian ini menggunakan 3 tahap pengukuran iaitu tinggi, sederhana dan rendah dengan menggunakan interpretasi selang kelas sepertimana yang diterangkan di dalam bahagian metodologi. Taburan pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia mengikut semester selepas perlaksanaan SCL adalah seperti dalam jadual 9.

JADUAL 9: Taburan pengajar berdasarkan kursus dan semester

Kursus	Sem 2 04/05	Sem 1 05/06	Sem 2 05/06
Tamadun Islam	13 orang	17 orang	3 orang
Tamadun Asia	17 orang	12 orang	3 orang
Kenegaraan Malaysia	14 orang	14 orang	12 orang
Jumlah	44 orang	43 orang	18 orang


(Nota: Pada sem 2 sesi 05/06, pengajar hanya 3 orang kerana tiada pensyarah sambilan disebabkan proses perubahan penawaran kursus dari Tamadun Islam kepada TITAS dan Tamadun Asia kepada Hubungan Etnik. Sumber: Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan)

Terdapat 11 item yang digunakan bagi mengukur persepsi pelajar terhadap kaedah dan pendekatan pengajaran berasaskan SCL yang digunakan oleh pengajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia. Item yang digunakan adalah sepertimana di dalam jadual 10.

**JADUAL 10:** Item persepsi pelajar terhadap pengajar.

Bil.	Item	Min keseluruhan
1.	Pensyarah menggunakan kaedah SCL dalam pengajaran.	3.53
2.	Pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.	3.69
3.	Pensyarah menggunakan alat bantu mengajar.	4.01
4.	Pengajaran pensyarah lebih memberi penekanan/perhatian kepada pelajar.	3.91
5.	Kaedah pengajaran menjadikan suasana pembelajaran lebih aktif.	3.69
6.	Pensyarah menggalakkan pelajar memberikan pandangan dan pendapat.	3.87
7.	Pensyarah menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam perbincangan.	3.89
8.	Pensyarah menggalakkan pelajar berinteraksi (banyak bertanya soalan).	4.00
9.	Pensyarah menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan rasional.	3.93
10.	Pensyarah menggunakan isu-isu semasa dalam pengajaran.	4.18
11.	Pensyarah menunjukkan minat dan kemauhan membantu pelajar.	4.04
Purata min		3.89

Purata min bagi keseluruhan item berdasarkan persepsi seluruh responden terhadap kaedah dan pendekatan pengajaran adalah pada tahap tinggi dengan nilai min 3.89. Sokongan yang tinggi ini menunjukkan bahawa pensyarah telah menggunakan kaedah SCL dan pendekatan SCL dalam pengajaran mereka. Kajian mendapati purata min bagi setiap soalan juga berada pada tahap yang tinggi kecuali purata min pada item 1 yang berada pada tahap sederhana iaitu 3.53. Soalan ini berkaitan penggunaan SCL di dalam pengajaran. Ini menunjukkan terdapat sebahagian pelajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia kurang mengetahui tentang SCL. Dapatkan ini disokong oleh dapatan awal kajian berkaitan persepsi umum pelajar yang menunjukkan hampir 32.6 peratus pelajar kursus Tamadun Islam, 41.7 peratus pelajar kursus Tamadun Asia dan 39.7 peratus pelajar kursus Kenegaraan Malaysia tidak mengetahui tentang SCL.




Meninjau analisis persepsi pelajar berdasarkan kursus mendapati bahawa walaupun purata min bagi kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia berkaitan pendekatan pengajaran pensyarah berada pada tahap tinggi iaitu 3.75 dan 3.83 terdapat beberapa item pada kedua-dua kursus mendapat skor min yang sederhana. Nilai min sederhana merujuk kepada item 1, 2 dan 5 berkaitan penggunaan SCL di dalam pengajaran dengan min 3.31 dan 3.52; penggunaan pelbagai kaedah pengajaran dengan nilai min 3.60 dan 2.62 dan pengajaran menjadikan suasana pembelajaran lebih aktif dengan nilai min 3.57 dan 3.57. Tahap daptan min yang sederhana di dalam item-item ini dipengaruhi oleh tingginya peratusan jawapan tidak pasti daripada pelajar (Jadual 11 dan 12).

JADUAL 11: Taburan peratus persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah kursus Tamadun Islam

Bil.	STS	TS	TP	S	SS	Min
Item 1	2.6	17.1	37.3	33.2	9.8	3.31
Item 2	0.5	12.2	25.2	51.2	10.9	3.60
Item 3	1.0	4.9	13.8	63.9	16.4	3.90
Item 4	0.3	6.0	25.9	54.4	13.5	3.75
Item 5	1.6	10.9	28.9	46.1	12.5	3.57
Item 6	0.8	7.2	20.2	58.7	13.2	3.76
Item 7	1.0	5.4	22.2	59.4	11.9	3.76
Item 8	0.8	4.1	16.6	64.0	14.5	3.87
Item 9	0.3	4.9	20.5	59.1	15.3	3.84
Item 10	0.5	5.2	12.5	57.7	24.2	4.0
Item 11	1.0	3.9	19.4	56.6	19.1	3.89
Purata min						3.75

(Nota: STS = sangat tidak setuju, TS = tidak setuju, TP = tidak pasti, S = setuju, SS = sangat setuju)

Sehubungan dengan itu didapati 37.3 peratus responden kursus Tamadun Islam dan 30.3 peratus responden kursus Tamadun Asia tidak pasti sama ada pengajar menggunakan kaedah SCL di dalam pengajaran ataupun tidak, 25.2 peratus responden kursus Tamadun Islam dan 22.1 peratus responden kursus Tamadun Asia tidak pasti sama ada pengajar menggunakan kaedah yang pelbagai di dalam pengajaran ataupun tidak manakala 28.9 peratus responden kursus Tamadun Islam dan 25.4 peratus responden kursus Tamadun Asia tidak pasti bahawa kaedah pengajaran pengajar telah menjadikan suasana pengajaran lebih aktif ataupun tidak.




Hasil dapatan yang sama di antara kedua-dua kursus ini menunjukkan bahawa terdapat pelajar kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia yang kurang minat dan kurang memberi tumpuan terhadap aspek pengajaran kursus-kursus ini. Keadaan ini terjadi mungkin kerana pengisian dan silibus kedua-dua kursus yang lebih berbentuk sejarah, konsep dan falsafah yang kurang menarik minat pelajar dan memerlukan kreativiti pensyarah bagi menambahkan kepelbagaiannya pendekatan dalam pengajaran dan seterusnya menjadikan kuliah lebih aktif dan dihayati.

JADUAL 12: Taburan peratus persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah kursus Tamadun Asia

Bil.	STS	TS	TP	S	SS	Min
Item 1	2.0	13.0	30.3	40.4	14.3	3.52
Item 2	1.0	13.7	22.1	49.2	14.0	3.62
Item 3	0.3	2.6	7.2	65.8	24.1	4.11
Item 4	1.0	3.6	20.3	57.2	18.0	3.88
Item 5	1.6	13.0	25.4	46.3	13.7	3.57
Item 6	1.3	8.8	20.2	52.8	16.9	3.75
Item 7	1.3	5.9	19.2	57.3	16.3	3.81
Item 8	0.7	3.9	16.3	59.9	19.2	3.93
Item 9	0.7	4.3	22.0	56.4	16.7	3.84
Item 10	0.7	3.6	14.1	52.3	29.4	4.06
Item 11	0.3	3.6	12.4	59.0	24.8	4.04
Purata min						3.83

(Nota: STS = sangat tidak setuju, TS = tidak setuju, TP = tidak pasti, S = setuju, SS = sangat setuju)



JADUAL 13: Taburan peratus persepsi pelajar terhadap pendekatan pengajaran pensyarah kursus kenegaraan Malaysia


Bil.	STS	TS	TP	S	SS	Min
Item 1	1.4	5.7	27.4	48.8	16.7	3.74
Item 2	0.2	6.4	22.0	52.2	19.1	3.83
Item 3	0.2	3.8	12.6	58.3	25.1	4.04
Item 4	0.2	2.8	11.6	60.0	25.3	4.07
Item 5	0.2	5.7	23.2	47.4	23.5	3.88
Item 6	0.5	3.1	13.2	56.8	26.4	4.06
Item 7	0.7	2.1	12.8	58.4	25.9	4.07
Item 8	0.7	2.4	7.6	58.3	31.0	4.17
Item 9	0.2	1.7	14.2	59.1	24.8	4.07
Item 10	0.2	0.2	4.5	45.0	50.0	4.44
Item 11	0.7	1.4	11.1	52.1	34.7	4.19
Purata min						4.05

(Nota: STS = sangat tidak setuju, TS = tidak setuju, TP = tidak pasti, S = setuju, SS = sangat setuju)

Berbeza dengan persepsi pelajar kursus Kenegaraan Malaysia, kajian mendapati nilai min persepsi pelajar di dalam semua item berkaitan aspek pengajaran pensyarah kursus ini berada pada tahap tinggi. Ini menjadikan purata min juga berada pada tahap tinggi iaitu 4.05 (Jadual 13). Sokongan yang tinggi ini menunjukkan pengajar kursus ini telah berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran meliputi semua item-item yang disenaraikan.


**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP HASIL PEMBELAJARAN SETELAH
PENGAJAR MENGGUNAKAN PENDEKATAN SCL DI DALAM
PENGAJARAN KURSUS TAMADUN ISLAM, TAMADUN ASIA &
KENEGARAAN MALAYSIA**

Terdapat 15 item yang digunakan bagi mengukur persepsi pelajar terhadap hasil pembelajaran setelah pengajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia menggunakan pendekatan SCL di dalam pengajaran. Soalan yang digunakan adalah seperti mana di dalam jadual 14.

**JADUAL 14:** Item persepsi terhadap kesan kaedah pengajaran

Bil.	Item	Min keseluruhan
1.	Menjadikan pemahaman dan pengetahuan kursus lebih mendalam.	3.90
2.	Membantu menambah kemahiran komunikasi.	3.72
3.	Memupuk kerjasama kumpulan.	3.96
4.	Meningkatkan pembelajaran melalui pengalaman.	3.85
5.	Menambah kemahiran menguruskan ahli kumpulan.	3.77
6.	Menambah kemahiran menguruskan maklumat.	3.85
7.	Menjadikan pembelajaran lebih mencabar.	3.76
8.	Mencetuskan idea dan pandangan baru.	3.86
9.	Mengekalkan maklumat di dalam ingatan.	3.70
10.	Memupuk semangat bantu membantu.	3.87
11.	Menggalakkan pencarian maklumat dan penyelidikan secara individu.	3.81
12.	Menggalakkan pencarian maklumat dan penyelidikan secara berkumpulan.	3.94
13.	Mewujudkan interaksi 2 hala.	3.91
14.	Memerlukan persediaan awal sebelum hadir kuliah.	3.65
15.	Menambahkan bebanan kerja kursus.	3.27
Purata min		3.78

Berdasarkan jadual 14, didapati purata min bagi keseluruhan item berdasarkan persepsi keseluruhan pelajar terhadap hasil pembelajaran setelah pengajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia menggunakan pendekatan SCL berada pada tahap tinggi iaitu 3.78. Sokongan yang tinggi menunjukkan pelajar ketiga-tiga kursus ini telah mendapat faedah dan manfaat daripada kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar dalam hal-hal berkaitan pembelajaran, kerja-kerja berkumpulan, pencarian dan pengurusan maklumat serta interaksi dan komunikasi. Walaubagaimanapun kajian menunjukkan terdapat 2 item iaitu item 14 dan 15, berkaitan persepsi pelajar terhadap keperluan membuat persediaan awal sebelum menghadiri kuliah dan bebanan pada kerja kursus berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.65 dan 3.27.




JADUAL 15: Taburan peratus persepsi pelajar kursus Tamadun Islam terhadap hasil pembelajaran

Bil.	STS	TS	TP	S	SS	Min
Item 1	0.3	4.2	23.9	56.1	15.6	3.83
Item 2	0.5	8.3	27.6	56.8	6.7	3.61
Item 3	0.3	2.8	13.4	70.5	12.9	3.93
Item 4	0.5	6.0	20.8	62.6	10.1	3.76
Item 5	0.0	4.4	22.0	63.5	10.1	3.79
Item 6	0.0	3.9	21.7	63.3	11.1	3.82
Item 7	0.3	7.0	26.4	54.4	11.9	3.71
Item 8	0.5	5.7	20.9	59.7	13.2	3.79
Item 9	0.5	8.8	26.5	50.4	13.8	3.68
Item 10	0.3	4.1	18.9	62.7	14.0	3.86
Item 11	1.8	5.7	18.1	61.0	13.4	3.79
Item 12	0.5	3.9	12.3	69.2	14.1	3.92
Item 13	0.0	3.6	21.7	58.9	15.8	3.87
Item 14	2.1	7.0	30.4	50.1	10.4	3.60
Item 15	3.7	18.3	31.6	36.3	10.2	3.31
Purata min						3.75

(Nota: STS = sangat tidak setuju, TS = tidak setuju, TP = tidak pasti, S = setuju, SS = sangat setuju)

Nilai min bagi persepsi pelajar terhadap hasil pembelajaran berdasarkan kursus juga di dapati berada pada tahap tinggi. Purata min bagi kursus Tamadun Islam adalah 3.75, purata min bagi kursus Tamadun Asia adalah 3.76 dan purata min bagi kursus Kenegaraan Malaysia adalah 3.84. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelajar ketiga-tiga kursus mempunyai persepsi yang positif terhadap hasil pembelajaran yang mereka peroleh. Walaubagaimanapun kajian menunjukkan segerintir pelajar kursus Tamadun Islam merasakan kursus ini kurang membantu menambah kemahiran komunikasi mereka kerana nilai min bagi item 2 bagi kursus Tamadun Islam berada pada tahap sederhana iaitu 3.61. (Lihat jadual 15,16 dan 17).




JADUAL 16: Taburan peratus persepsi pelajar kursus Tamadun Asia terhadap hasil pembelajaran

Bil.	STS	TS	TP	S	SS	Min
Item 1	0.7	5.0	17.2	62.7	14.5	3.85
Item 2	0.7	7.2	23.7	54.6	13.8	3.74
Item 3	0.7	4.6	10.5	63.8	20.4	3.99
Item 4	1.3	3.3	23.0	56.6	15.8	3.82
Item 5	0.3	6.3	23.7	57.9	11.8	3.75
Item 6	0.7	4.0	14.6	68.2	12.6	3.88
Item 7	0.7	6.9	24.1	53.5	14.9	3.75
Item 8	1.0	5.3	18.8	59.1	15.8	3.83
Item 9	1.3	7.3	24.4	52.8	14.2	3.71
Item 10	1.0	4.3	16.8	62.8	15.1	3.87
Item 11	0.0	8.2	20.4	56.6	14.8	3.78
Item 12	1.6	4.3	11.8	63.2	19.1	3.94
Item 13	1.6	3.9	20.4	58.9	15.1	3.82
Item 14	2.0	13.8	22.7	49.0	12.5	3.56
Item 15	5.9	25.1	27.1	32.0	9.9	3.15
Purata min						3.76

(Nota: STS = sangat tidak setuju, TS = tidak setuju, TP = tidak pasti, S = setuju, SS = sangat setuju)






JADUAL 17: Taburan peratus persepsi pelajar kursus Kenegaraan Malaysia terhadap hasil pembelajaran

Bil.	STS	TS	TP	S	SS	Min
Item 1	0.7	2.6	15.8	57.3	23.6	4.0
Item 2	0.9	5.2	20.5	58.4	15.1	3.81
Item 3	0.7	4.5	12.9	62.1	19.8	3.96
Item 4	0.5	3.8	16.2	59.4	20.2	3.95
Item 5	0.7	5.9	24.0	54.1	15.3	3.77
Item 6	0.5	3.8	20.9	57.9	16.9	3.87
Item 7	0.9	4.9	23.5	51.9	18.8	3.83
Item 8	0.7	4.0	18.4	53.9	23.1	3.95
Item 9	1.7	6.4	26.2	51.7	14.2	3.70
Item 10	0.5	3.3	18.9	62.0	15.3	3.88
Item 11	0.9	4.9	21.4	53.2	19.5	3.85
Item 12	20.5	58.8	16.7	3.1	0.9	3.95
Item 13	22.6	60.0	14.8	2.1	0.5	4.02
Item 14	19.6	46.9	24.8	7.1	1.7	3.76
Item 15	15.0	30.5	31.2	19.0	4.2	3.33
Purata min						3.84

(Nota: STS = sangat tidak setuju, TS = tidak setuju, TP = tidak pasti, S = setuju, SS = sangat setuju)

Apa yang menarik di sini adalah kajian menunjukkan peratusan jawapan sangat setuju dan setuju adalah tinggi iaitu melebihi 70 peratus bagi setiap item di dalam ketiga-tiga kursus. Purata peratusan 15 item tahap sangat setuju dan setuju bagi kursus Tamadun Islam ialah 70.5 peratus, kursus Tamadun Asia 71.46 peratus dan Kenegaraan Malaysia 70.14 peratus. Ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh pensyarah telah menjurus kepada penumpuan ke arah menjadikan pelajar lebih menghayati ilmu dan bertanggungjawab kepada ilmu yang mereka timba, aktif, produktif, berkebolehan dan berketerampilan. Hal ini juga mungkin kerana elemen keseragaman yang telah diwujudkan di dalam proses menguruskan kursus ini yang telah menggariskan tugas dan pembentangan adalah sebahagian daripada penilaian ketiga-tiga kursus.

Perbezaan dapatan di antara ketiga-tiga kursus ini hanyalah pada nilai min mengikut item. Didapati kursus Tamadun Islam mendapat min yang sederhana dalam 3 item iaitu item 2 dengan nilai min 3.61, item 14 dengan nilai min 3.60 dan item 15 dengan nilai min 3.31. Kursus Tamadun Asia mendapat min



yang sederhana dalam 2 item iaitu 14 dengan nilai min 3.56 dan item 15 dengan nilai min 3.15. Manakala kursus Kenegaraan Malaysia mendapat nilai min sederhana dalam 1 item iaitu item 15 dengan nilai min 3.33.

Kesimpulannya, persepsi pelajar terhadap perlaksanaan SCL meliputi aspek kaedah dan pendekatan pengajaran berasaskan SCL yang digunakan oleh pengajar dan hasil pembelajaran setelah pengajar menggunakan kaedah SCL di dalam pengajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia berada pada tahap tinggi.


RUMUSAN

Kajian mendapati kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia telah menjurus ke arah berpusatkan pelajar. Kajian telah dapat mengenalpasti antara kaedah-kaedah pengajaran dan penilaian berasaskan strategi SCL yang digunakan oleh pengajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di UPM. Pendekatan utama yang digunakan adalah tugasan berkumpulan di samping kaedah mensyarah. Kaedah penilaian pula bertumpu kepada hasil kerja berkumpulan dan pembentangan berkumpulan disamping kaedah ujian dan peperiksaan. Namun begitu segelintir pensyarah dikesan mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan penilaian seperti perbincangan berkumpulan dan individu, kajian kes, kajian lapangan, kerjasama kumpulan, penyertaan dalam perbincangan, kuiz dan kehadiran.


Kajian mendapati persepsi pelajar kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia terhadap pengajaran dan pembelajaran berbentuk SCL yang digunakan oleh pensyarah-pensyarah ketiga-tiga kursus adalah positif dan berada pada tahap penerimaan yang tinggi. Kesan positif dan penerimaan tinggi ini dapat dikesan melalui persepsi umum keseluruhan pelajar terhadap perlaksanaan SCL yang cenderung ke arah positif, persepsi pelajar terhadap aspek kaedah dan pendekatan pengajaran berasaskan SCL yang digunakan oleh pengajar dan persepsi pelajar terhadap yang berada pada tahap yang tinggi.

RUJUKAN

- Angela Anthonysamy dan Rusli Ahmad. 2000. Persepsi pelajar UNIMAS terhadap kursus generik yang ditawarkan: Satu perbandingan antara pelajar tahun satu dan tiga. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajian Umum di Alaf Baru*. 18-19 April 2000 anjuran Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Hamdan Noor. 2004. Student centered learning at the Faculty of Medicine and Health Sciences UPM. *Bengkel SCL* anjuran Fakulti Ekologi Manusia.
- Mohamad Khairi Othman dan Ahmad Faisal Abdul Hamid. Pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS di Institusi Pengajian Tinggi: Persepsi. *Prosiding bengkel kebangsaan ketiga: Pengajaran TITAS di IPTA 2004*. 13-15 April 2004 anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Khairi Othman dan Mohd Nizho Abdul Rahman. TITAS dalam Mendepani cabaran pembangunan holistik; kajian minat dan persepsi pelajar terhadap kepentingannya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum* anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Arip Kasmo. Latihan kakitangan resos kursus tamadun Islam. *Prosiding Bengkel Kebangsaan Ketiga: Pengajaran TITAS di IPTA 2004*. 13-15 April 2004 anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahimah Abdul Kadir. 2003. Ringkasan eksekutif. *Prosiding Bengkel Kebangsaan Peningkatan Kualiti Pembelajaran dan Pengajaran Kursus TITAS IPT*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Richard M. Felder. 1997. Beating the numbers game: Effective teaching in large classes. Dilayari pada 13 Ogos 2005 di <http://www.ncsu.edu/felder-public/papers/largeclasses.htm>.
- Samri Sainuddin dan Isahak Haron. 2004. Pengalaman mengajar TITAS di UPSI. *Prosiding Bengkel Kebangsaan Ketiga: Pengajaran TITAS di IPTA 2004* anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Shah Alam: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi dan Sri Rahayu. 2004. E-Pengajaran, pembelajaran kursus TITAS : Pengalaman UPM. *Prosiding Bengkel Kebangsaan Ketiga: Pengajaran TITAS di IPTA 2004* anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zatul Himmah Adnan. 2005. Kajian terhadap keberkesaan kursus kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia: Satu pengamatan awal dari persepsi pelajar. *Kertas Kerja Seminar Kenegaraan dan Ketamaduanan: Ke Arah Memahami Islam Hadhari di Malaysia 2005 (SOGOC 2005)*, anjuran Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduan, Universiti Putra Malaysia.



Zatul Himmah Adnan. 2006. Keberkesanan kursus kenegaraan Malaysia daripada persepsi pelajar di UPM: Sebelum dan selepas mengikuti kursus. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006)* anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia



